

**MESYUARAT KEDUA (BELANJAWAN 2022)
BAGI PENGGAL PERSIDANGAN KEEMPAT
DEWAN NEGERI JOHOR YANG KEEMPAT BELAS
PADA HARI AHAD, 21 NOVEMBER 2021, JAM 9.30 PAGI**

SUSUNAN PERKARA-PERKARA MESYUARAT

- 1. DOA.**
- 2. PEMASYHURAN DARIPADA YANG BERHORMAT SPEAKER DEWAN NEGERI JOHOR.**
- 3. SOALAN LISAN**

**YB TUAN YEO TUNG SIONG (PEKAN NENAS)
SOALAN 1 (A150)**

Nyatakan anggaran impak dan kerugian yang dialami negeri Johor akibat penutupan sempadan negeri Johor dengan Singapura sepanjang pandemik Covid dan apakah langkah kerajaan untuk mengatasinya?

**YB TUAN SR. DZULKEFLY BIN AHMAD (KOTA ISKANDAR)
SOALAN 2 (A173)**

Apakah perkembangan terkini perundingan ke arah pembukaan pintu sempadan antara Malaysia - Singapura?

**YB TUAN DR. RAMAKRISHNAN A/L SUPPIAH (BEKOK)
SOALAN 3 (A52)**

Sekarang pandemik Covid telah berkurangan. Apakah usaha yang dilakukan untuk membuka semula tambak Johor?

**YB CIK LIOW CAI TUNG (JOHOR JAYA)
SOALAN 4 (A130)**

Bila sempadan Malaysia - Singapura akan dibuka?

**YB TUAN JIMMY PUAH WEE TSE (BUKIT BATU)
SOALAN 5 (A35)**

Ada kemungkinan besar Singapura akan ada Vaccinated Travel Lane (VTL) dengan Malaysia melalui laluan udara ke Kuala Lumpur tidak lama lagi. Bila kerajaan akan memperkenalkan VTL laluan darat Johor - Singapura yang amat dinanti-nantikan oleh rakyat Johor?

YB TUAN CHEN KAH ENG (STULANG)
SOALAN 6 (A118)

Terangkan isu yang berkaitan dengan pembukaan sempadan seperti Business Travel Center (BTC), Vaccinated Travel Lane (VTL) dan sebagainya.

YB DATO' SHARIFAH AZIZAH BINTI DATO' SYED ZAIN (PENAWAR)
SOALAN 7 (A3)

Apakah program bantuan yang diberikan kepada ibu-ibu tunggal di negeri Johor sepanjang PKP yang lalu dan apakah program yang telah dilaksanakan?

YB TUAN HAJI KHAIRUDDIN BIN A. RAHIM (SENGGARANG)
SOALAN 8 (A26)

Berapakah jumlah bilangan ibu tunggal diseluruh negeri Johor dan jumlah mengikut kategori B40, miskin dan miskin tegar. Apakah bantuan yang disediakan oleh kerajaan negeri untuk mereka.

YB TUAN JIMMY PUAH WEE TSE (BUKIT BATU)
SOALAN 9 (A30)

Bila rakyat Johor akan mula dapat 'booster vaccine dose'?

YB TUAN NG YAK HOWE (BENTAYAN)
SOALAN 10 (A36)

Nyatakan jumlah bilangan orang awam yang layak untuk menerima dos ketiga atau dos penggalak di Negeri Johor dan juga berapa jumlah orang awam yang telah menerima dos penggalak mengikut setiap daerah?

YB TUAN IR. DR. FAIZUL AMRI BIN ADNAN (SEROM)
SOALAN 11 (A138)

Apakah kerajaan mempunyai bukti-bukti saintifik keperluan dan keberkesanan vaksin dos ketiga@vaksin penggalak dimana program pemberiannya telah pun semua sedia maklum mula diberikan kepada frontliners?

YB TUAN YEO TUNG SIONG (PEKAN NENAS)
SOALAN 12 (A146)

Apakah tindakan kerajaan negeri Johor bagi mempercepatkan vaksin dos ketiga serta jumlah penduduk yang telah menerima vaksin dos ketiga di negeri Johor.

YB TUAN CHEO YEE HOW (PERLING)
SOALAN 13 (A166)

Apakah perjalanan aturan terkini untuk suntikan vaksin covid-19 dos penggalak untuk Negeri Johor?

YB TUAN TAN CHEN CHOON (JEMENTAH)
SOALAN 14 (A7)

Nilai pelaburan yang diluluskan di Malaysia dalam enam bulan pertama 2021 ialah RM107.5 bilion. Berapakah nilai pelaburan di Johor mengikut pecahan FDI dan DDI dalam sektor pembuatan, perkhidmatan dan sektor utama dan jumlah peluang pekerjaan yang akan diciptakan ?

YB TUAN HAJI ABD TAIB BIN ABU BAKAR (MACHAP)
SOALAN 15 (A125)

Apakah usaha yang dilakukan oleh Jabatan Agama Islam Johor terhadap tanah wakaf supaya tidak berlaku istilah tanah terbiar dan dapat dimanfaatkan sepenuhnya?

YB TUAN MOHD. KHUZZAN BIN ABU BAKAR (SEMERAH)
SOALAN 16 (A61)

Berapakah jumlah Galeri serta Muzium yang diuruskan dibawah YWJ dan jumlah tambahan dalam perancangan pihak YWJ serta perancangan promosi bagi memastikan semua galeri dan muzium dilawati oleh pelancong tempatan atau luar negara.

YB TUAN HAJI ABD TAIB BIN ABU BAKAR (MACHAP)
SOALAN 17 (A121)

Apakah usaha yang dilakukan oleh Pihak Berkuasa Tempatan dalam membantu peniaga-peniaga di kawasan PBT bagi meneruskan perniagaan mereka yang terjejas teruk semasa Covid-19 ini?

YB TUAN IR. DR. FAIZUL AMRI BIN ADNAN (SEROM)
SOALAN 18 (A135)

Apakah kerajaan mempunyai perancangan bagi membantu dan menaik taraf secara sistematik peniaga-peniaga kecil (stall) khususnya yang terpaksa tutup@tangguh perniagaan selepas perlaksanaan PKP?

YB TUAN EE CHIN LI (TANGKAK)
SOALAN 19 (A91)

Sila nyatakan jenis bantuan Kerajaan Johor yang telah diterima oleh Orang Asli Johor khususnya semasa pandemik COVID-19 bermula dari Mac 2020 dan perincikan jenis dan jumlah bantuan mengikut kampung-kampung Orang Asli.

YB PUAN HAJAH ALWIYAH BINTI TALIB (ENDAU)
SOALAN 20 (A14)

Adakah kerajaan mempunyai perancangan untuk menurap semula jalan Mersing - Endau memandangkan ketika ini jalan Mersing - Kluang telah diturap baru dan dibesarkan?

YB TUAN JIMMY PUAH WEE TSE (BUKIT BATU)
SOALAN 21 (A33)

Sila nyatakan jumlah pelaburan asing di Johor setakat 1hb November 2021 dalam pecahan sektor dan bandingan dengan tahun 2019, 2020.

YB TUAN HAJI SHEIKH 'UMAR BAGHARIB BIN ALI (PALOH)
SOALAN 22 (A88)

Adakah kerajaan merancang untuk menaik taraf jalan Chamek - Kangkar Baru? Jalan tidak berturap yang sedia ada ini melibatkan lebih kurang 10-15km panjang atas rizab jalan.

YB CIK LIOW CAI TUNG (JOHOR JAYA)
SOALAN 23 (A145)

Senarai bilangan pesakit Covid-19 mengikut kategori umur 0-5, 6-10, 11-15, 16-18.

YB TUAN CHEW CHONG SIN (MENGKIBOL)
SOALAN 24 (A157)

Demi pemulihan ekonomi dan mengurangkan beban rakyat, apakah rancangan PBT untuk mengurangkan atau mengecualikan cukai pintu, terutamanya bagi rumah kos rendah dan sederhana pada tahun 2022?

YB TUAN NG YAK HOWE (BENTAYAN)
SOALAN 25 (A38)

Berapakah bilangan keseluruhan usahawan dan bilangan usahawan yang dari Negeri Johor telah menyertai program Jualan Makmur Johor (JMJ) 2020 dan 2021?

YB TUAN CHEN KAH ENG (STULANG)
SOALAN 26 (A115)

Senaraikan produk-produk pelancongan baru Negeri Johor.

YB TUAN IR. DR. FAIZUL AMRI BIN ADNAN (SEROM)
SOALAN 27 (A136)

Apakah kerajaan hari ini akan terus tidak membenarkan mana-mana rakyat yang tidak setuju untuk di vaksin bagi merentas negeri atau keluar negara?

YB KAPT (B) HAJI NAJIB BIN LEP (BUKIT PASIR)
SOALAN 28 (A111)

Berdasarkan bajet negeri Johor pada tahun sebelumnya, ada disebut berkenaan pembinaan rumah transit. Berapakah jumlah unit rumah transit yang telah dibangunkan dan siap dibina antaranya seperti rumah transit Bukit Kepong?

**YB PUAN HAJAH ALWIYAH BINTI TALIB (ENDAU)
SOALAN 29 (A17)**

Adakah kerajaan bersedia mewujudkan satu pasukan sukarela di kawasan-kawasan tumpuan pelancongan seperti di jeti-jeti penumpang atau pantai bagi memantau SOP kerana pada ketika ini kekuatan penguat kuasa yang ada tidak mampu menampung operasi pemantauan di kawasan pelancongan?

**YB TUAN MD. YSAHRUDDIN BIN KUSNI (BUKIT NANING)
SOALAN 30 (A77)**

Bagaimana kerajaan mengatasi permasalahan bagi penjawat awam mahupun orang persendirian yang tidak mahu mengambil vaksinasi Covid-19.

**YB TUAN TAN HONG PIN (SKUDAI)
SOALAN 31 (A131)**

Nyatakan rancangan kerajaan untuk mengurangkan birokrasi di peringkat Pihak Berkuasa Tempatan sebagai satu langkah penting dalam mewujudkan suatu suasana mesra pelabur bagi menarik dan mengekalkan pelaburan domestik dan pelaburan antarabangsa di negeri Johor.

4. PERBAHASAN ATAS RUNDINGAN BACAAN KALI YANG KEDUA BAGI RANG UNDANG-UNDANG ENAKMEN PERBEKALAN (2022) TAHUN 2021

----- (BAHASAN YB BACK-BENCHERS) -----

Persidangan ditangguhkan sehingga hari Isnin, 22 November 2021, jam 9:30 pagi.